

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JANUARY 2017

'Sekejap betul, sekejap salah'

BH-16/1/2017

➔ Hasrat Tun M teruskan BR1M jika pembangkang menang PRU-14 dianggap hipokrit

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohd Azrone Sarabatin, Suzalina Halid, Badrul Kamal Zakaria, Nurul Fhatihah Zakinan, Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

▣ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah menghina pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai rasuah, ibarat 'menjilat ludah' sendiri apabila mahu meneruskan pula bantuan itu jika pembangkang berkuasa.

Malah, bekas Perdana Menteri itu disifatkan hipokrit apabila mahu menukarkan BR1M didakwa untuk memancing undi pilihan raya sebagai bantuan berkanun yang ditentukan oleh undang-undang dan bajet negara.

Pengerusi Komunikasi Strategik

Barisan Nasional, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata Dr Mahathir sedar pemberian BR1M adalah berkesan membantu rakyat menyebabkan Pengerusi Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat pusingan U.

"Selepas menghina kumpulan B40 yang menerima 'rasuah' (BR1M), sekarang beliau akan meneruskan pemberian BR1M sekiranya pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

BR1M popular, berkesan

"Beliau tahu pemberian tunai seperti BR1M adalah popular dan berkesan, sebab itulah dia membuat pusingan U," katanya menerusi entri dalam laman Twitter, semalam.

Malam kelmarin, dalam ucapan pada perasmian PPBM di Stadium Malawati, Shah Alam, Dr Mahathir memberi bayangan BR1M akan diteruskan dan diagihkan pegawai kerajaan jika parti campuran pembangkang memenangi PRU-14.

Sebelum ini, Dr Mahathir mendakwa BR1M adalah rasuah dan salah di sisi undang-undang.

Beliau turut mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menggunakan BR1M bagi meraih sokongan rakyat dalam PRU-14

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata tindakan Dr Mahathir melakukan pusingan U mahu meneruskan BR1M membuktikan kerajaan berada di pihak yang benar melaksanakan program berkenaan.

Katanya, tuduhan bekas Perdana Menteri sebelum ini bahawa bantuan itu adalah rasuah dan menyalahi undang-undang kerana beliau lupa kerajaan tidak pernah berhenti membantu rakyat.

"Akhirnya, Dr Mahathir sedar tohmahannya terhadap kerajaan dalam pelaksanaan BR1M adalah salah dan kini beliau sedar kerajaan BN (Barisan Nasional) di pihak yang betul," katanya kepada media selepas menghadiri Pesta Pongal (Menuai) di pekarangan Menara Manickavasagam di sini, semalam.

Di Melaka, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata kenyataan Dr Mahathir itu adalah hipokrit kerana beliau sebelum ini menganggap BR1M adalah rasuah.

"Tun Dr Mahathir tidak lagi konsisten dan orang sebegini bahaya, sesiapa yang dekat dengan beliau perlu lebih berhati-hati.

"Tidak konsisten itu bermakna 'kata-kata lembut' untuk seseorang yang menipu, kaki putar belit. Malah, sekejap betul sekejap salah. Tun Dr Mahathir hipokrit," katanya ketika ditemui pada majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Pangsapuri Mampu Milik (PMM) Bukit Baru, semalam.



Selepas menghina kumpulan B40 yang menerima 'rasuah' (BR1M), sekarang beliau akan meneruskan pemberian BR1M sekiranya pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14)"

Abdul Rahman Dahlan,
Pengerusi Komunikasi
Strategik Barisan Nasional



Keratan akhbar BH semalam.